Bil: SN 559

SUARA KEBANGKITAN

صوت النهضة
sautunNahdah
Mengembalikan Kehidupan Islam

www.mykhilafah.com

BMF ATAU SOLUSI EKONOMI YANG SISTEMIK ?

Kempen Utamakan Produk Muslim (*Buy Muslim First*, BMF) yang bermula sebagai kempen di laman sosial, kini telah tersebar luas sehingga mengundang pelbagai reaksi daripada masyarakat, ahli politik, dan kerajaan. Pihak yang mendokong kempen tersebut berpandangan bahawa ia bertujuan untuk menyokong produk-produk keluaran syarikat milik Muslim serta menitik-beratkan aspek *halalan toyyiban*. Manakala pihak yang menentangnya mendakwa bahawa ia sebagai satu langkah yang berbaur perkauman, dan boleh mengancam perpaduan di negara ini. Jemaah Menteri melalui sebuah Kenyataan Media turut "menolak pemikiran dan pendirian sempit berasaskan sentimen perkauman" dan menyeru supaya rakyat menyokong kempen beli barangan buatan Malaysia. Meskipun penyokong kempen tersebut menafikan bahawa kempen tersebut tercetus atas dasar perkauman, namun persepsi perkauman masih timbul kerana umum mengetahui sektor ekonomi di negara ini majoritinya dikuasai oleh kaum Cina. Dengan kata lain, kempen tersebut telah dilihat dari kacamata perkauman disebabkan wujudnya pengenalan kaum mengikut penguasaan sektor ekonomi.

Menelusuri Akar Permasalahan Ekonomi

Isu penguasaan ekonomi mengikut kaum ini dilihat bertitik-tolak daripada dasar pecah dan perintah yang dilaksanakan oleh penjajah British sewaktu zaman kolonialisasi dahulu. Pelbagai usaha telah dilakukan bagi memperbaik keadaan ini. Antaranya termasuklah Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada 1970 bagi menyusun semula ketidakseimbangan sosio-ekonomi yang wujud di negara ini dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Pelbagai polisi telah diketengahkan bagi mengatasi kemelut akibat kesenjangan antara yang miskin dan kaya. Namun kesemuanya menemui kegagalan kerana penyelesaian yang diketengahkan tidak menangani akar permasalahan yang sebenar, sebaliknya terfokus kepada penyelesaian bersifat simptom. Hakikatnya, kemelut sosio-ekonomi yang melanda ini adalah permasalahan yang bersifat sistemik dan berpunca daripada penerapan sistem kapitalisme pada hari ini. Justeru, sebarang usaha sama ada di peringkat polisi kerajaan mahupun kempen berkelompok yang tidak menjurus kepada penyelesaian bagi menangani punca sebenar tersebut pasti tidak akan berjaya mengatasi masalah ini secara tuntas.

Perlu difahami juga bahawa isu ini bukanlah berpaksikan pertentangan antara kaum mahupun antara Muslim dan penganut agama lain. Sebaliknya, permasalahan tersebut bertitik-tolak daripada amalan dalam sistem rosak yang diwariskan oleh penjajah dan diteruskan sehingga ke hari ini. Sejarah telah membuktikan bagaimana umat Islam terlibat secara aktif dalam bidang perekonomian sehingga Melaka suatu ketika dahulu pernah menjadi pelabuhan yang penting dalam perdagangan antarabangsa. Justeru, orang Melayu-Muslim bukanlah bangsa yang asing dalam sektor perekonomian sepertimana persepsi yang wujud pada hari ini. Namun keadaan berubah apabila negara ini dijajah dan aktiviti ekonomi kemudiannya dicorak oleh kolonialis. Ekonomi yang berasaskan hutang dan riba mulai diperkenalkan dan dipraktikkan. Amalan riba ini turut diperluas dengan pengenalan institusi bank dan matawang oleh British sekitar kurun ke-18 dan 19 Masihi. Amalan ekonomi yang berasaskan riba menjadikan jurang antara yang kaya (pemodal dan pemberi pinjaman) dan yang miskin semakin melebar. Pihak yang meminjam dikenakan kadar riba yang tinggi sehingga akhirnya menyebabkan ada yang menjadi lebih miskin akibat terjerat dengan hutang *ribawi*. Manakala institusi perbankan yang menjadi nadi dalam sistem kapitalis pula menjana keuntungan daripada pinjaman-pinjaman ribawi tersebut. Sedangkan Islam mengharamkan riba sebagaimana firman Allah SWT; "*Dan Allah menghalalkan jual-beli dan mengharamkan riba*" [TMQ al-Baqarah: 265].

Malangnya, keharaman riba ini seringkali dipandang ringan oleh segelintir umat Islam sehingga ada yang menganggapnya sebagai suatu keperluan (*darurat*) dalam memastikan orang Melayu tidak ketinggalan dalam pembangunan ekonomi. Dalam kesungguhan sesetengah pihak berkempen untuk memperkasa ekonomi umat Islam, aspek *ribawi* dan juga akad-akad yang *batil* dan *fasad* (rosak) dalam urusniaga juga wajib diperhatikan agar tidak berlaku kezaliman ke atas mana-mana pihak dan menyalahi hukum syarak yang telah disyariatkan kepada kita.

Dalam sistem ekonomi kapitalis, nilai material dan manfaat dijadikan sebagai tolok ukur sehingga membenarkan apa sahaja bentuk manipulasi dan monopoli bagi mencapai matlamat tersebut. Akad-akad dalam pelbagai urusniaga dimanipulasi sehingga menzalimi pihak lain terutamanya mereka yang berada dalam kedudukan lebih lemah. Sumber kekayaan negara yang seharusnya menjadi milik rakyat turut dimanipulasi dan dibolot atas nama pembangunan melalui polisi-polisi yang disusun oleh pemerintah (oligarki) yang menjaga kepentingan syarikat-syarikat kapitalis demi kelangsungan politik dan status quo mereka. Tidak cukup sekadar itu, kerakusan kapitalisme sebagai sistem ekonomi negara tiada batasnya sehingga memerah keringat dan hak rakyat dengan pelbagai bentuk cukai. Inilah bentuk manifestasi hubungan jahat antara sistem demokrasi dan kapitalisme yang menjadi teras pentadbiran negara saat ini bahkan di seluruh dunia. Kapitalisme tumbuh subur kerana doktrin kebebasan pemilikan yang dijunjung oleh demokrasi, manakala demokrasi memerlukan sokongan kapitalisme untuk terus berkuasa. Yang akan terus kaya adalah para pemerintah elit dan pemodal, manakala rakyat terus berada dalam kemiskinan dan terpalit dengan hutang serta kos sara hidup yang tinggi.

Golongan pemodal, tanpa mengira latarbelakang kaum dan agama, akan sentiasa mencari ruang untuk terus mengaut kekayaan. Tidak mustahil mereka akan mencari ruang untuk memanipulasi sentimen umat dalam kempen sebegini sehingga akhirnya menyebabkan masalah sebenar yang perlu ditangani gagal diselesaikan. Hal ini juga dapat dilihat dalam polisi-polisi kerajaan misalnya DEB yang gagal mencapai objektifnya, sebaliknya telah mewujudkan kelompok elit kapitalis baharu.

Hala Tuju Agenda Memperkasakan Ekonomi Umat Islam

Islam menekankan kewajipan mencari rezeki daripada sumber yang halal dan berkat. Sabda Rasulullah SAW, "... *Kemudian baginda menceritakan seorang lelaki yang melakukan perjalanan jauh (lama), tubuhnya diliputi debu lagi kusut, dia menadah tangannya ke langit dan berdoa, 'Ya Rabbku, ya Rabbku'. Akan tetapi makanannya haram, minumannya haram, dan ia diberi makan dengan yang haram. Maka bagaimana mungkin doanya dikabulkan?*" [HR Muslim]. Dalam pada itu, status halal dan *toyyiban* itu bukan sekadar pada zat produk yang dijual semata-mata, bahkan kita juga wajib memastikan urusniaga yang dilakukan dan sumbernya juga syarie. Rasulullah SAW telah bersabda, "... *dan lambatnya datang sesuatu rezeki itu janganlah menjadi pendorong kepada kamu untuk melakukan usaha mencari rezeki berbentuk maksiat kerana sesungguhnya rezeki Allah tidak akan dapat diperoleh melainkan dengan cara ketaatan*" [HR Ibn Majah dan at-Tabrani].

Kita telah menyaksikan banyak kerosakan yang muncul akibat penerapan sistem kapitalisme, termasuklah dari sudut kerosakan alam sekitar mahupun penindasan yang terjadi akibat ketidakadilan yang berleluasa dalam sistem ini. Maka sewajarnya emosi dan kesedaran yang muncul berkenaan isu kesenjangan ekonomi diarahkan kepada penyelesaian tuntas dalam menangani permasalahan bersifat sistemik ini. Sewajarnya dorongan untuk memperkasa ekonomi umat Islam dihalakan kepada perjuangan yang lebih menyeluruh dan menjurus ke arah penerapan syariat Islam secara kaffah. Ia tidak terhenti setakat usaha mengutamakan produk jualan Muslim semata-mata, bahkan sistem ekonomi kapitalisme ini yang sepatutnya diboikot dan diganti dengan sistem Islam.

Sistem ekonomi Islam telah menggariskan tujuannya, cara memiliki harta dan mengembangkannya, cara membelanjakan harta dan pengelolaannya, hak-hak pemilikan harta, pengagihan kekayaan serta keseimbangan ekonomi dalam masyarakat. Islam juga melarang harta kekayaan dimonopoli oleh pihak tertentu sepertimana yang terjadi dalam ekonomi kapitalisme. Politik ekonomi Islam adalah manifestasi hukum syarak yang menjamin pemenuhan keperluan asas setiap individu secara holistik, di samping membuka peluang yang luas bagi umat manusia untuk memenuhi keperluan sekunder nya. Justeru, politik ekonomi Islam tidak hanya memfokuskan aspek makro ekonomi semata-mata, bahkan tumpuannya bagi memastikan setiap individu di dalam negara akan benar-benar menikmati kemakmuran kehidupan dan mampu meningkatkan taraf kehidupan [an-Nabhani, Sistem Ekonomi Islam].

Namun, penerapan sistem ekonomi Islam tidak akan sempurna tanpa adanya sebuah negara yang menerapkan syariah Islam secara kaffah. Institusi tersebut tidak lain adalah Khilafah yang berdiri atas manhaj kenabian. Usaha mengembalikan institusi Khilafah ini bukanlah suatu yang bermusim atas dorongan emosi semata-mata, bahkan wajib diperjuangkan secara konsisten berlandaskan *thariqah* (metode) yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.

KOLUM TSAQAFAH

HAK DAN TANGGUNGJAWAB NON-MUSLIM DALAM KHILAFAH

Non-Muslim yang menjadi warganegara Khilafah disebut sebagai az-zimmi, memiliki hak dan tanggungjawab yang telah ditetapkan menurut syarak. Di antaranya adalah:

1. Ahlu zimmah tidak boleh dipaksa meninggalkan agama mereka untuk masuk Islam sebagaimana tercatat di dalam surat Rasulullah SAW kepada penduduk Yemen.

2. Ahlu zimmah wajib membayar jizyah kepada negara Islam sebagai tanda tunduk kepada pemerintahan Islam. Syarat jizyah hanya terkena kepada lelaki, baligh dan mampu. Tidak wajib bagi kanak-kanak, perempuan dan orang yang tidak mampu. Ini sebagaimana surat Umar RA kepada Amir al-Ajnad yang diriwayatkan oleh Abu Ubaid.

4. Diperbolehkan melakukan pelbagai bentuk muamalah antara umat Islam dan ahlu zimmah seperti jual-beli, sewa-menyewa, bersyarikat, gadaian dan sebagainya. Rasulullah SAW pernah melakukan muamalah dengan kaum Yahudi di tanah Khaibar, di mana kaum Yahudi itu mendapatkan separuh dari hasil tanaman kurmanya. Bagaimanapun, setiap muamalah mestilah terikat dengan hukum-hakam Islam semata.

5. Ahlu zimmah wajib dikenakan uqubat (hukuman) di atas kejahatan yang mereka lakukan, berdasarkan hukum Islam. Banyak nas yang menjelaskan hal ini.

6. Ahlu zimmah tidak boleh memegang jawatan dalam pemerintahan atau apa-apa jawatan yang bersifat 'kekuasaan' ke atas kaum Muslimin dan tidak berhak terlibat dalam urusan pemilihan Khalifah, hal ini sebagaimana disebutkan dalam banyak nas.

7. Ahlu zimmah boleh menjawat jawatan pengarah atau apa-apa jawatan administratif dalam perkhidmatan awam lainnya. Hal ini sebagaimana banyak nas terhadap kebolehan akad ijarah tanpa mengira agama dan bangsa. Rasulullah SAW sendiri pernah mengupah seorang lelaki non-Muslim dari Bani ad-Dail.

8. Ahlu Zimmah berhak menjadi anggota Majlis Umat, tetapi hanya sebatas untuk melaporkan kezaliman atau kelalaian pemerintah terhadap mereka, atau untuk membetulkan kesalahan implementasi hukum Islam ke atas kaum mereka. Ini sebagaimana Rasulullah SAW pernah mendengar pengaduan Finhas (seorang Yahudi) terhadap Abu Bakar, sekalipun apa yang diadukannya adalah dusta.

9. Ahlu zimmah tidak diwajibkan bergabung dalam pasukan tentera dan berjihad. Mereka boleh menjadi sebahagian daripada pasukan tentera dan berhak mendapat gaji atas kerja mereka. Namun tidak boleh memegang tampuk kepimpinan dalam pasukan tentera.

Demikianlah serba sedikit hukum-hakam berkenaan ahlu zimmah, yang dapat disenaraikan dalam ruang terbatas ini. Adapun begitu, hukum-hakam tersebut tidak mungkin terlaksana tanpa wujudnya negara Islam.

[Sumber: Asy-Syakhshiyah al-Islamiyyah, Syeikh Taqiyuddin an-Nabhani]

Nasyrah Mingguan Hizbut Tahrir Malaysia
Emel: info@ht-malaysia.com, FB: Hizbut Tahrir Malaysia